

28/03/2001

Mahathir ajak Pas pertahan kedaulatan orang Melayu

riyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberitahu Dewan Rakyat, amat sukar bagi Umno mempertahankan hak orang Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan jika Pas enggan bersama-sama mempertahankannya.

Perdana Menteri menegaskan, perpaduan Melayu hanya diperlukan jika ada cabaran kepada empat perkara seperti disebut dalam Perlembagaan.

Katanya, tanpa penyertaan Melayu dalam Pas, timbul anggapan bahawa mereka tidak bersetuju dengan hak istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Raja-Raja Melayu sebagai raja negeri-negeri Melayu.

"Justeru itu, mempertahankannya (empat perkara) tidak menguntungkan Umno dari segi politik parti. Yang untung ialah semua orang Melayu dan semua mereka patut terbabit dengan usaha mempertahankan ini.

"Jika Pas ternampak rela menggugurkan keempat-empat perkara ini dan Keadilan (Parti Keadilan Nasional) pula menafikan keMelayuannya, maka sukarlah bagi Umno sahaja mempertahankan dengan jayanya," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan demikian bagi menjawab soalan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) ketika sesi soal jawab.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan hakikat itu, Melayu Umno dan Melayu Pas harus mengetepikan parti dan bersatu padu mempertahankan perkara-perkara yang mengancam orang Melayu keseluruhannya.

Umno, katanya, tidak menolak perpaduan nasional tetapi pada masa yang sama, ia mempertahankan hak-hak Melayu tanpa menjejaskan perpaduan nasional.

Beliau berkata, langkah itu akan mengukuhkan lagi perpaduan nasional yang sudah tercapai. Buktinya, ialah semua rakyat Malaysia secara umum bersatu menentang penyangak mata wang tanpa mengira kaum atau parti, tidak lama dulu.

"Tetapi jika Melayu Pas mengasingkan diri daripada Melayu Umno dan Melayu lain, maka perpaduan nasional tidak akan menjadi penuh kerana Melayu Pas tidak menyertainya.

"Parti Pas tidak akan terhapus kerana Melayu Pas bersepadu dengan Melayu Umno hanya dalam mempertahankan hak orang Melayu. Dalam perkara lain, Pas boleh terus bermusuhan dengan Umno," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, perpaduan Melayu yang dimaksudkan Umno bukanlah perpaduan secara total sehingga mereka tidak boleh sama sekali ada hubungan atau kerjasama dengan bukan Melayu.

"Ia juga bukan untuk bermusuhan dan menentang atau berperang dengan bukan Melayu," katanya.

Mengimbas kembali mengenai pentingnya perpaduan Melayu ketika perjuangan menentang Malayan Union, Perdana Menteri berkata ketika itu hampir semua orang Melayu bersatu dalam Umno dan penjajah terpaksa tunduk kepada tuntutan Umno.

Katanya, jika ketika itu, berlaku perpecahan ketara seperti berlaku sekarang, sudah tentu penjajah tidak melayan tuntutan orang Melayu dan syarat melindungi orang Melayu mungkin tidak dipersetujui.

"Terbukti bahawa perpaduan Melayu dalam Umno waktu itu tidak menjejaskan perpaduan nasional kerana orang Cina dan India turut menuntut kemerdekaan bersama orang Melayu serta menerima syarat yang melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu dimaktubkan dalam Perlembagaan.

"Perpaduan Nasional juga terbukti kerana hak kaum lain juga dijamin oleh

Perlembagaan. Oleh itu, perpaduan Melayu adalah baik bagi Malaysia dan akan menyumbang kepada perpaduan nasional," katanya.

Kepada soalan tambahan Ruhanie yang ingin tahu sama ada syarat Pas bagi mengadakan pertemuan itu menggambarkan parti berkenaan ditekan oleh kehendak bukan Melayu atau kalangan ahlinya, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu sama ada Pas ditekan oleh bukan Melayu atau anggota parti itu sendiri. Namun, syarat pertemuan itu jelas tidak berkaitan dengan soal perpaduan."

Menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), beliau berkata, Malaysia adalah negara liberal yang membenarkan rakyat pelbagai kaum menganut agama dan mengamalkan kegiatan mengikut bahasa serta budaya masing-masing.

Beliau berkata, tidak menjadi masalah jika setiap kaum ingin mewujudkan perpaduan mereka sendiri kerana perpaduan itu adalah terhad untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing.

"Walaupun bersatu padu mengikut kaum, dalam soal negara mereka akan bersatu padu sebagai bangsa Malaysia," katanya.

Dr Tan bertanya apakah yang terjadi kepada konsep Bangsa Malaysia yang pernah dikemukakan suatu masa dulu dan apa akan berlaku sekiranya setiap kaum mengadakan perpaduan di kalangan mereka sendiri.

Perdana Menteri menjelaskan, adalah tidak menjadi masalah jika orang Melayu bersatu kerana perpaduan itu terhad kepada mempertahankan beberapa perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan.

"Kita lebih liberal daripada kerajaan lain di dunia dan kita boleh berbangga dengannya," katanya.

Mengenai konsep Bangsa Malaysia, Dr Mahathir berkata, jika Malaysia hendak mendapatkan satu bangsa Malaysia yang tulen, cara terbaik memperolehnya ialah melalui proses asimilasi iaitu dengan menyerapkan orang bukan Melayu menjadi bangsa Melayu dan mengislamkan mereka.

"Tetapi kita lebih liberal di sini. Kita tidak hendak mereka menukar agama mereka, nama mereka, bahasa mereka tetapi dalam soal-soal mengenai kepentingan bersama untuk negara, mereka mestilah bersatu padu sebagai bangsa Malaysia," katanya.

(END)